

21/07/1997

Ketua Umno buat laporan polis

KUALA NERANG, Ahad - Ketua Umno cawangan Bukit Tembaga Selatan dalam bahagian Padang Terap, Dali Abdul Rahman hari ini membuat laporan polis di balai polis Kuala Nerang berhubung surat layang yang dihantar pihak tertentu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad.

Beliau yang hadir ke balai polis bersama Setiausaha Umno cawangan, Malek Hassan berkata, surat layang itu menggunakan nama Umno cawangan Bukit Tembaga Selatan dan dialamatkan kepada Perdana Menteri selaku presiden parti.

Dalam surat layang itu, pihak terbabit mendakwa kononnya ketua bahagian Umno Padang Terap, Datuk Dr Affifudin Omar yang juga Timbalan Menteri Kewangan mengamalkan politik tidak sihat dengan menganjurkan pelbagai kursus dan program kepada semua ketua dan setiausaha Umno cawangan, baru-baru ini.

(END)